

Penggunaan frasa kerja dalam akhbar Harian Metro

ABSTRAK

Kata kerja merupakan elemen penting dalam tatabahasa tetapi kesalahan penggunaannya masih berleluasa dalam masyarakat. Salah satu medium yang mudah untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan kata kerja dalam bentuk penulisan yang merangkumi struktur ayat, pembinaan ayat, dan sebagainya ialah akhbar. Namun begitu, terdapat juga kesalahan penggunaan frasa kerja dalam penulisan akhbar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan frasa kerja dalam akhbar, khususnya akhbar Harian Metro, berpandukan rumus frasa kerja Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, (2015). Hasil kajian mendapati bahawa kesalahan penggunaan frasa kerja dalam akhbar Harian Metro dapat dikategorikan kepada 5 kumpulan, iaitu frasa kerja dengan objek, frasa kerja dengan dua objek, frasa kerja dengan ayat komplemen, kata kerja tak transitif tanpa pelengkap dan unsur keterangan dalam frasa kerja. Kajian ini dapat menunjukkan bahawa tahap penguasaan tatabahasa seseorang penulis itu kurang memuaskan.

Kata kunci: Frasa kerja; Akhbar; Rumus; Objek; Ayat komplemen